

Perubahan Klasifikasi Etnik di dalam Rekod Banci Penduduk Sabah Sebelum dan Pasca Merdeka

ABSTRACT

Artikel ini berkaitan dengan perubahan klasifikasi etnik dalam rekod banci penduduk Sabah sebelum dan selepas merdeka. Hasil penelitian awal mendapati bahawa pengkategorian etnik dalam rekod banci penduduk Sabah dari tahun 1891 sehinggalah tahun 2020 mempunyai perbezaan yang signifikan khususnya dari segi istilah dan pengkategorian etnik peribumi Sabah. Artikel ini juga akan turut menerangkan penjustifikasian yang digunakan oleh pihak British North Borneo Company (BNBC) dan kolonial British dalam mengklasifikasikan etnik yang terdapat di Borneo Utara. Hal ini kerana didapati bahawa pengkategorian etnik dalam rekod banci penduduk Sabah dari tahun 1891 sehinggalah tahun 1960 sentiasa berubahubah kerana pihak BNBC dan Kolonial British tidak mempunyai satu bentuk klasifikasi khusus yang dapat mengkategorikan etnik yang terdapat di Sabah. Walau bagaimanapun, selepas Sabah merdeka, laporan banci penduduk Sabah telah diubah suai semula agar selari dengan penyelarasan etnik di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Oleh itu, artikel ini akan cuba untuk mengupas dan menelusuri perubahan pengklasifikasian etnik dalam rekod banci penduduk Sabah sebelum dan selepas merdeka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk sumber primer dari Arkib Negeri Sabah dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Pengkaji juga menjalankan kaedah temu bual bagi melengkapkan maklumat kajian ini.